

# SWM atasi sampah longgok

Serah lima tong sampah kepada peniaga medan niaga di Taman Sri Lambak, Kluang

AZLINA OTHMAN

JOHORBAHRU—SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menyerahkan lima unit tong sampah beroda (TSB) berkapasiti 240 liter (L) kepada peniaga medan niaga di Taman Sri Lambak, Kluang bagi mengatasi masalah isu sampah longgok di sekitar kawasan itu.

Pengurus SWM Wilayah Johor, Mohd Zan Arris berkata, sebelum ini, pihaknya membekalkan sebuah tong 1,100L, namun isu sampah longgok haram telah berlaku.

Menurutnya, pihaknya menambah sebuah lagi tong yang sama untuk kegunaan ramai, namun isu sama masih berlarutan sehingga menimbulkan bau dan mendatangkan ketidakselesaan kepada pelanggan yang datang ke medan selera tersebut.

"Oleh itu, kami mengedarkan lima unit TSB berkapasiti 240L kepada peniaga medan selera ber-

kenaan untuk kegunaan bersama sebagai ganti kepada penarikan tersebut.

"Peniaga serta penduduk setempat di kawasan tersebut dinasihatkan untuk sentiasa menguruskan sisa harian dengan betul serta mengamalkan kaedah Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) yang telah berkuat kuasa pada 1 September 2015.

"Tambah pula, orang ramai dinasihatkan untuk mempraktikkan pembuangan sampah secara berhemah dengan mengamalkan kaedah pelupusan sampah yang betul menggunakan TSB yang telah diedarkan oleh SWM Environment bagi memastikan masalah sama tidak berulang," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Terdahulu, SWM dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) melaksanakan operasi pembersihan khas di kawasan itu



• Orang ramai wajar mempraktikkan pembuangan sampah secara berhemah

sebagai melebarkan sayapnya melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Mohd Zan berkata, operasi pembersihan khas ini bukan sahaja bagi menangani isu sampah longgok haram tetapi pihaknya turut menjalankan operasi pembersihan longgok di kawasan sama yang turut diadu.

"Longgok tersebut gagal diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan tersumbat dengan sampah sarap seperti plastik dan sisa makanan yang turut mengundang kepada pencemaran bau. Keadaan ini berlaku disebabkan sikap segelintir pihak yang tidak ber-



Pekerja pembersihan SWM Environment membantu membersihkan longgok di sekitar medan niaga di Taman Sri Lambak, Kluang.

tanggungjawab mengambil jalan mudah membuang sisa mereka ke dalam longgok.

"Untuk makluman, longgok

terbabit bukan di bawah skop seliaan perkhidmatan pihak SWM Environment, namun dibuat atas dasar prihatin," katanya.